

# PERBARISAN BULANAN PEGAWAI MEMERINTAH NO 11 SKUADRON DAN PEMAKAIAN PANGKAT

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2993-perbarisan-bulanan-pegawai-memerintah-no-11-skuadron-dan-pemakaian-pangkat](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2993-perbarisan-bulanan-pegawai-memerintah-no-11-skuadron-dan-pemakaian-pangkat)

GONG KEDAK, 31 Jan 18 - Perbarisan Bulanan Pegawai Memerintah No 11 Skuadron telah diadakan di Hangar No 11 Skn Pangkalan Udara Gong Kedak. Perbarisan yang dihadiri 26 Pegawai dan 130 Anggota Lain-lain Pangkat ini diketuai Mej Mohd Zamzami bin Mohd Zahir TUDM manakala Pegawai Waran Perbarisan PW U II Mohd Haris bin Ibrahim.

Dalam majlis tersebut Pegawai Memerintah No 11 Skn, YBhg Kol Rozainy bin Ahmad Rapiee@Ahmad Rofie TUDM juga telah menyempurnakan pemakaian pangkat kepada 5 anggota Lain-lain Pangkat iaitu PW U II Mohd Rizal bin Hamid dinaikkan ke pangkat Pemangku Pegawai Waran Udara Satu, Kpl U Mohd Saiful Bahari bin Azmi dinaikkan ke pangkat Pemangku Sarjan Udara, LUK Mohd Noor Azwan bin Kamarudin dan LUK Mohd Fadhli bin Md Noor dinaikkan ke pangkat Pemangku Koperal Udara dan LU I Amirulhadi Shafiq bin Ismail dinaikkan ke Pangkat Laskar Udara Kanan.

Dalam ucapan Pegawai Memerintah No 11 Skuadron, beliau menekankan beberapa perkara penting yang boleh dijadikan panduan kebaikan setiap anggota amnya dan organisasi TUDM khasnya berdasarkan Direktif Panglima Tentera Udara No 15 yang terbaru memberi garis panduan kepada penggunaan aplikasi media sosial yang hendaklah dipatuhi oleh semua warga TUDM pada sebilang masa. Ini adalah supaya penggunaan media sosial oleh warga TUDM tidak akan menjelaskan, mencemarkan nama baik serta kepentingan perkhidmatan TUDM, ATM dan Negara serta menentukan keselamatan ke atas penyebaran maklumat dan dokumen berdarjah. Ia juga menghindarkan kejadian pencemaran keselamatan seperti penyebaran maklumat dan pendedahan tentang aktiviti di pasukan dan tugas-tugas operasi.



Selain itu juga, beliau mengucapkan tahniah kepada anggota yang dinaikkan pangkat supaya terus berdedikasi dalam melaksanakan tugas yang diberikan dan amanah yang dipertanggungjawabkan.

